

Pembelajaran bahasa Arab Di Universiti Malaysia Sabah: persepsi pelajar bukan Islam

Abstract

Kertas kerja ini disediakan untuk melihat dan meneliti pelajar-pelajar bukan Islam terhadap pembelajaran bahasa Arab di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UMS. Mereka terdiri dari pelbagai etnik serta kaum seperti China, India, Kadazandusun, Sino kadazan, Iban, Kayan, Melanau, Rungus dan sebagainya. Mereka langsung tidak mempunyai asas bahasa Arab sebelum memasuki UMS sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Mereka dianggap sebagai pelajar minoriti mempelajari bahasa Arab, kerana majoriti pelajar yang mempelajari bahasa adalah pelajar Islam yang sudah menjadi kelaziman di mana-mana institusi pengajian tinggi di Malaysia.